

JALANILAH UJIAN HIV

UJIAN PENGESAHAN

- i. Ujian pengesahan HIV dilaksanakan secara 'sulit'. Hanya doktor atau pembantu perubatan yang menjalankan ujian sahaja yang tahu maklumat peribadi anda.
- ii. Anda dikehendaki berjumpa doktor atau pembantu perubatan pada hari temujanji yang telah ditetapkan (2 minggu selepas sample darah diambil) bagi mengetahui keputusan ujian pengesahan dan mendapat kaunseling selepas ujian.
- iii. Sekiranya ujian HIV adalah NEGATIF, anda akan diberi temujanji dalam masa 6 bulan untuk ujian pengesahan ulangan. Jika ujian HIV adalah POSITIF, anda akan dimaklumkan dan diberi kaunseling selepas ujian oleh doktor.
- iv. Seterusnya anda akan dirujuk ke mana-mana klinik kesihatan yang mempunyai perkhidmatan pengurusan HIV yang dipilih oleh anda. Jagaan seterusnya akan meliputi perkhidmatan kaunseling, pemeriksaan dan rawatan.

NOMBOR TELEFON PEGAWAI AIDS NEGERI

NEGERI	TELEFON
JOHOR	07-2245188
MELAKA	06-2828344
N.SEMBILAN	06-7625231
SELANGOR	03-5595533
PERAK	05-2423135
KEDAH	04-7335533
P.PINANG	04-2625533
PERLIS	04-9763333
KELANTAN	09-7483288
TERENGGANU	09-6222866
PAHANG	09-5551366
SARAWAK	082-256566
SABAH	088-258541
K.LUMPUR	03-9845166

Jika ingin mengetahui dengan lebih lanjut, sila hubungi klinik kesihatan kerajaan berdekatan atau hubungi Pegawai AIDS Negeri.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM/02/30,000



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

AIDS TIDAK BOLEH DISEMBUHKAN...

AIDS adalah sejenis penyakit yang tidak dapat disembuhkan. Ia berpunca daripada jangkitan virus HIV yang melumpuhkan sistem daya tahan tubuh melawan penyakit.

HIV boleh berjangkit melalui hubungan seks atau berkongsi alat suntikan yang tercemar dengan virus HIV.



ANDA MUNGKIN TERDEDAH KEPADA JANGKITAN HIV JIKA ANDA...

1. mempunyai pasangan atau suami/isteri yang telah dijangkiti HIV.

2. seorang pelacur atau pernah melangani pelacur.
3. atau pasangan anda mengamalkan homoseksuals.
4. mengadakan hubungan seks dengan berbilang pasangan.
5. mengadakan hubungan seks dengan suami/isteri atau pasangan penagih dadah.
6. penagih dadah dan pernah berkongsi jarum suntikan.

ADAKAH ANDA TELAH DIJANGKITI HIV ?

Hanya satu cara untuk mengetahui. Jalani ujian HIV.

Ujian HIV merupakan langkah pertama anda menyelamatkan nyawa anda dan orang yang disayangi.

Ujian ini mudah didapati, ringkas dan tidak sakit.

Perkhidmatan ini percuma di klinik kesihatan kerajaan dan keputusan dirahsiakan.

CARA MENDAPATKAN UJIAN HIV

UJIAN SARINGAN

- i. Anda boleh pergi ke mana-mana klinik kesihatan kerajaan.
- ii. Anda berjumpa terus dengan doktor atau pembantu perubatan bertugas dan minta ujian HIV dilakukan.
- iii. Kaunseling pra-ujian akan diberi oleh doktor atau pembantu perubatan.
- iv. Ujian HIV dilakukan dengan mengambil satu titis darah dari hujung jari. Keputusan ujian boleh diketahui dalam masa 15 minit.
- v. Jika keputusan ujian 'tidak reaktif', anda diberi penerangan lanjut dan dinasihatkan untuk mengulangi ujian 6 bulan kemudian.
- vi. Jika keputusan ujian adalah 'reaktif', nasihat akan diberikan dan persetujuan diperolehi daripada anda untuk menjalani ujian pengesahan.